

SIARAN MEDIA

LEARNING EXPRESS PROGRAM (LeX) SINGAPORE POLYTECHNIC DAN POLITEKNIK UNGKU OMAR

Ipooh, 13 September 2023 – Politeknik Ungku Omar dengan kerjasama Singapore Polytechnic telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Program Learning Express (LeX) yang bermula dari 4 sehingga 15 September 2023.

Seramai 30 pelajar dari Singapore Polytechnic telah menyertai program ini termasuk 4 orang pensyarah fasilitator yang diketuai oleh Wee Eng Soon, Low Kang Min, Wong Yat Keong dan Andrew Kon turut menyertai program ini. Program ini juga turut melibatkan 26 Pelajar Politeknik Ungku Omar dan 4 pelajar dari Kolej Komuniti Gerik.

Program ini telah diadakan di Politeknik Ungku Omar dan Perkampungan Orang Asli Ulu Gerik, Gerik. Program yang mendapat kerjasama dari Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak dan Kedah Bersama Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) Hulu Perak dan Baling ini berjalan selama 12 hari.

Program ini juga meliputi kajian lapangan yang dilaksanakan oleh para peserta melibatkan Komuniti Perkampungan Orang Asli Ulu Gerik, Gerik. Ianya bakal meneroka dan mendedahkan kepada para peserta dengan kehidupan dan sosio budaya masyarakat orang asli. Objektif program adalah bagi memahami definisi dan tujuan konsep Design Thinking dan membentuk pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir dan kemahiran berkomunikasi secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Melalui proses Design Thinking, pelajar dapat membangun pemahaman yang mendalam tentang pengguna akhir dari sudut penyelesaian masalah secara konsep dan praktikal. Secara keseluruhan, Design Thinking menyediakan rangka kerja terbaik untuk pelajar membangunkan penyelesaian inovatif yang memenuhi keperluan pengguna dalam pelbagai konteks. Untuk membangunkan kemahiran ini, pelajar harus diberi pendedahan sebenar terhadap aplikasi penyelesaian masalah di dalam situasi sebenar kehidupan masyarakat. Oleh itu, program ini merupakan satu platform penting bagi membangun bakat dan kemahiran pelajar bagi menyelesaikan masalah dalam komuniti melalui Proses Design Thinking; Emphatise, Define, Ideate, Prototype dan Testing.

Delegasi dari Singapore Polytechnic juga turut diperkenalkan dengan budaya dan kesenian masyarakat Malaysia melalui lawatan ke kampung budaya dan proses pembuatan labu sayong di Kuala Kangsar sebagai salah satu pengisian dalam program ini.

Majlis Perasmian Penutup Program Learning Express (LeX) Singapore Polytechnic dan Politeknik Ungku Omar telah berlangsung pada 13 September 2023 yang dirasmikan oleh YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah, Pengarah Politeknik Ungku Omar.

Rata-rata para peserta menzahirkan keterujaan dan penghargaan kepada kerajaan Malaysia yang telah sudi menerima dan mengaturkan program ini sebagai satu usaha melestarikan proses pertukaran ilmu serta mencetuskan hubungan kerjasama baharu dalam industri TVET. PUO menyambut baik usaha kolaborasi ini dan berharap agar usaha ini mampu memberi nilai tambah kepada usaha negara untuk memperkasakan TVET.

Susulan dari pelaksanaan program ini ianya telah memberi impak yang positif di mana seramai 10 orang pelajar dari Politeknik Ungku Omar dan Kolej Komuniti Gerik bakal mengikuti **Youth Model ASEAN Conference** di Singapura pada bulan Oktober nanti. PUO optimis program ini merupakan langkah proaktif merealisasikan hasrat kerajaan untuk mempromosi TVET sebagai pilihan utama sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

Politeknik Ungku Omar, Home of TVET Champions.

Politeknik Ungku Omar
13 September 2023